

# Pelancaran Kem Super Tahfiz Mega

■ Persada Al Islah, sebuah syarikat berteraskan pengembangan pendidikan dan pembangunan modal insan Islam, akan menganjurkan Kem Super Tahfiz Mega pada 27 November hingga 14 Disember depan. Karnival akan dilangsungkan di empat lokasi – Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (Masjid Besi), Putrajaya, Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM), Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA Sepang dan Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bakal menampilkan pendakwah selebriti seperti Imam Muda Syed Faris, Imam Muda Asyraf, Ustaz Safuan Pamidi dan Ustaz Sahib Pamidi. Untuk majlis pelancaran diadakan pada 27 November jam 7 pagi di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

## Ilham-UPM Science Outreach

■ Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan program 'Ilham-UPM Science Outreach 2017' pada 27 November jam 9 pagi di Foyer, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM. Program untuk membantu murid mempelajari bidang sains dan teknologi secara 'Hands-On Experiments' serta lawatan sambil belajar (Edutourism). Program ini akan melibatkan 40 murid tingkatan 1 yang terpilih di bawah kelolaan Malaysia Community & Education Foundation (MCEF).